

Walaupun negara maju lain serta negara jiran sudah mula menerima vaksin Covid-19, Malaysia berada dalam landasan tepat untuk menerima bekalan vaksin itu bulan depan dan masih merupakan antara negara terawal di Asia Pasifik untuk menerimanya.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Khairy Jamaluddin berkata, Malaysia tidak terlewat walaupun negara lain sudah menerima bekalan vaksin lebih awal dengan membayar wang pendahuluan yang tinggi sebelum data keselamatan dan keberkesanan diterbitkan.

"Malaysia membuat keputusan perolehan berdasarkan penelitian ujian klinikal tanpa perlu membayar harga premium atau wang pendahuluan yang tinggi. Maka Malaysia boleh menilai proses vaksinasi di negara lain supaya apabila pelaksanaan vaksinasi kelak, kita mampu melaksanakan secara

WAKSIN: KITA TIDAK TERLEWAT

Malaysia buat keputusan berdasarkan penelitian ujian klinikal tanpa perlu bayar harga premium

teratur dan berkesan.

"Ramai yang mempersoalkan tentang 'kelewat' Malaysia dalam memperoleh vaksin terutamanya apabila melihat negara jiran mula menerima vaksin Covid-19. Saya ingin jelaskan bahawa Malaysia masih lagi on-track, malah tempoh masa ini sudah dipersetujui dalam rundingan bersama Pfizer pada November lepas," katanya dalam siaran Twitter beliau, semalam.

Mengenai proses penerimaan vaksin bulan depan, Khairy berkata, kesemua vaksin yang ditempah tidak akan diterima secara serentak sebaliknya mengikut suku tahunan.

"Untuk vaksin keluaran Pfizer, satu juta dos akan diterima pada suku pertama, 1.7 juta (suku kedua), 5.8 juta (suku ketiga) dan 4.3 juta (suku keempat). Ini juga adalah sama dengan vaksin keluaran syarikat lain yang ditempah," kata Khairy. Memperincikan

pemberian vaksinasi, beliau berkata, Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 sudah membuat perancangan vaksinasi mengikut senarai keutamaan dengan

matlamat melindungi kumpulan paling berisiko tinggi iaitu petugas barisan hadapan sektor keselamatan serta kesihatan.

"Disusuli warga emas dan individu berpenyakit kronik diikuti populasi dewasa lain lagi membentuk komuniti kelompok. Jika anda adalah seorang dewasa yang sihat di bawah umur 60 tahun dan bukan petugas barisan hadapan, jangkaan paling awal menerima vaksin adalah pada suku ketiga tahun ini," katanya.

Menurut beliau, mengurus jangkaan adalah penting memandangkan pelan vaksinasi Malaysia mengambil masa sehingga 18 bulan.

Selain itu, Khairy turut memberi jaminan bahawa kesemua vaksin dikenal pasti selamat serta berkesan bagi memastikan kepentingan orang ramai serta kewangan negara terpelihara. - Bernama



“
Saya ingin
jelaskan bahawa
Malaysia masih
lagi on-track
Khairy